

# Jins terharu

## gelaran Seniman Negara

B-H 23/02/09 M15 4

Anugerah diterima bersama tanggungjawab terus berikan terbaik kepada negara dan bangsa

Oleh Zul Husni Abdul Hamid  
zhusni@bharian.com.my

**S**ELAMA 53 tahun berna-  
fas sebagai anak seni,  
belum pernah terdetik  
di hatinya untuk melupakan  
bidang yang cukup memberi  
makna kepada kelahiran  
seorang bintang bernama Tan  
Sri Jins Shamsudin.

Selama tempoh itu juga,  
pelbagai pengiktirafan diter-  
imanya malah ketokohan serta  
kepimpinan anak kelahiran  
Kampung Batu 10, Sungai  
Limau, Taiping, Perak ini  
menganugerahkannya Darjah  
Panglima Setia Mahkota  
(DPSM) membawa gelaran Tan  
Sri, dua tahun lalu.

Rabu lalu, gemerlapan bin-  
tang yang buat pertama kali  
diperkenalkan Allahyarham  
Tan Sri P Ramlee menerusi  
filem *Pancha Delima* pada  
1956 kembali menyinar apa-  
bila menjadi penggiat seni  
perfileman pertama diangkat  
sebagai Seniman Negara.

Anugerah unggul itu diberi-  
kan kepada individu yang  
menyerlah dari segi ketoko-  
han, keilmuan, sumbangan  
dan penghasilan karya ber-  
prestij.

Negara adalah penghargaan  
tertinggi diberikan kerajaan  
untuk individu berjasa kepada  
pembangunan seni negara,"  
katanya.

Ditemani isteri, Puan Sri  
Halijah Abdullah dan dua  
cahaya mata lelakinya, Putera  
Hang Jebat dan Putera Hang  
Nadim, Jins berkata, anugerah  
itu diterimanya bersama tang-  
gungjawab untuk terus mem-  
berikan yang terbaik kepada  
negara dan bangsa.

Karyawan filem pertama  
dilantik sebagai Ahli Dewan  
Negara atau Senator pada  
2004 ini juga tidak lupa  
memanjatkan rasa syukur dan  
terharu kepada Allah yang sen-  
tiasa melimpahkan rahmat-  
Nya kepada kehidupannya.

"Saya berterima kasih kepa-  
da pemimpin negara yang  
melihat segala kerja keras serta  
sumbangan anak seni lalu  
diberi pengiktirafan sebagai  
pendorong untuk terus mem-  
berikan yang terbaik.

"Pengiktirafan ini mem-  
bulatkan tekad saya untuk  
terus berjuang dan berhar-  
ia menjadi pencetus inspirasi  
kepada anak muda untuk terus  
berkarya dan melahirkan idea

kejayaan itu kepada P Ramlee,  
insan paling berjasa yang  
memberinya peluang untuk  
melakar nama sebagai pela-  
kon lantas membawanya ke  
puncak kemasyhuran bermula  
pada 16 Mei 1956.

"Tiada P Ramlee, maka tiada  
saya dalam bidang seni. Arwah  
ialah guru, sahabat serta insan  
yang menjadi inspirasi untuk  
saya teruskan perjuangan  
sebagai anak seni," katanya.

Jins ialah Seniman Negara  
kelapan menerima anugerah  
tertinggi itu selepas Hamzah  
Awang Amat (wayang kulit  
- 1993); Datuk Syed Ahmad  
Jamal (lukisan - 1995); Wan  
Su Othman (ukiran - 1997);  
Khadijah Awang (makyung  
- 1999); Datuk Syed Alwi Syed  
Hassan (teater - 2002); Rahman  
B (bangsawan - 2004) dan  
Datuk Ahmad Nawab (muzik  
- 2006).

"Anugerah ini membuktikan  
kerja keras, selain memberi  
inspirasi kepada penggiat  
filem untuk mempertingkat  
serta membangunkan industri  
perfileman membuatkan saya  
bersyukur apabila kerajaan  
memperluaskan pengiktirafan  
kepada kelompok ini.



JINS melakar sejarah sebagai bintang filem pertama diangkat sebagai Seniman Negara.

mutu tinggi dalam bidang seni sama ada muzik, tari, teater, visual dan filem.

Pengiktirafan Jins sebagai Seniman Negara Kelapan itu disempurnakan pada satu majlis penuh gemilang oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Kuala Lumpur, malam Rabu lalu.

"Saya ingin berterima kasih kepada Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) yang menganjurkan Anugerah Seni Negara, sekali gus memperlihatkan sesuatu yang penting untuk negara berbilang kaum, bangsa dan budaya.

"Ia menghargai semua penggiat seni berjasa dan berpotensi pelbagai kaum membuatkan saya terharu kerana gelaran Seniman

dalam menghasilkan produk filem bermutu tinggi," katanya.

Besar cita-citanya ingin menjadikan negara ini dikenali sebagai produk seni, sekali gus menarik pelancong luar datang serta melihat kemakmuran dan keamanan masyarakat berbilang kaum yang dimiliki Malaysia.

"Ia penting untuk negara yang sedang menuju ke era negara maju menerusi Wawasan 2020. Usaha ini dapat dicapai dengan memperbaiki serta mempertingkatkan mutu dalam semua cabang seni, selain memperkenalkannya pada peringkat antarabangsa," katanya.

Pengiktirafan itu juga membawa Jins untuk mengimbas semula detik awal permulaan langkahnya dalam bidang seni. Dia mendedikasikan

"Lebih membuatkan saya terharu apabila dipilih sebagai insan filem pertama menerima pengiktirafan tertinggi ini. Ia termasuk dalam senarai 33 perkara utama yang ingin dicapai dalam bidang seni dan alhamdulillah menjadi kenyataan tahun ini," katanya.

Pengiktirafan itu melayakkannya menerima Warkah Penghormatan Negara, wang tunai RM60,000, trofi, sepasang persalinan lengkap baju Melayu atau kurung sedondon songket bercorak tradisi, kemudahan perubatan percuma kelas satu di mana-mana hospital kerajaan, menjadi pengkaryanya, pencipta tamu kehormat dan pakar rujuk dalam bidangnya pada seminar atau forum tempatan serta antarabangsa dan pelbagai kemudahan lain.

# Kepemimpinan menyerlah

**P**ERANAN Jins dalam bidang seni tidak hanya terbatas sebagai pelakon, pengarah dan penerbit filem namun amat aktif dalam pelbagai kegiatan seni kerana pernah memegang beberapa jawatan penting.

Antara jawatan penting pernah disandangnya adalah Yang Dipertua Sekerja MFP, Presiden Persatuan Artis-Artis Malaya (Persama), Presiden Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM), Presiden Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia (Gafim), Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Pengerusi Jemaah Juri Festival Filem Malaysia Ke-16.

Antara usaha awal Jins serta rakannya seperti P Ramlee dan Aimi Jarr untuk membangunkan kepercayaan peminat terhadap filem Melayu sekitar awal 1970-an dengan menubuhkan Persatuan Filem Malaysia (Perfima).

Memperkatakan mengenai Finas, Jins mencetuskan idea penubuhan sebuah perbadanan perfileman dilindungi kerajaan. Badan itu penting untuk menentang kekuatan serta pengaruh

Pertubuhan Shaw dan Cathay yang menguasai industri dan memerah keringat karyawan filem Melayu.

Sumbangan serta pengorbanan seniman ini mendapat pengiktirafan terbesar apabila dilantik Yang di-Pertuan Agong sebagai Senator Dewan Negara pada 13 Oktober 2004. Beliau juga dinobatkan dengan pelbagai anugerah ketokohan seperti Tokoh Budaya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tokoh Karyawan Perak 1999 dan Anugerah Seniman Sepanjang Zaman (2003).

Universiti Sains Malaysia (USM) pada 14 Ogos 1999 menganugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Persuratan sebagai mengiktiraf ketokohnya, manakala Universiti Teknologi Mara (UiTM) menganugerahkannya Ijazah Doktor Kehormat Seni Persembahan pada 8 September 2005.

Seniman ini juga ialah penerima Pingat Darjat Datuk Paduka Mahkota Perak (DPMP) membawa gelaran Datuk pada 1990 dan DPSPM membawa gelaran Tan Sri pada 2 Jun 2007.



**JINS** mengadap Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Idris Shah di Istana Ipoh, bagi mengadakan perbincangan pertama untuk menerbitkan filem Pasir Salak pada 1982.

## INFO

### Jins Shamsudin

- **BINTANG** filem pertama diperkenalkan P Ramlee pada 1956 menerusi filem Pancha Delima.
- Penerima anugerah pertama sebagai Bintang Harapan 1 anjuran Majalah Gelanggang Filem pada 1959.
- Bintang filem pertama mengendalikan rancangan hiburan di Radio Malaya, Singapura dalam *Warung Jins Shamsudin* dan *Sekawan Bintang* dari 1959-1961.
- Anak Malaysia pertama menjalani kursus Profesional Sinematografi di

England pada 1970.

- Anak Malaysia pertama menyaksikan pelancaran kapal angkasa Apollo 06 bersama Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon di Cape Kennedy.
- Bintang filem pertama menjalani kursus penerbitan televisyen di Broadcasting Corporation, London pada 1971.
- Karyawan filem pertama menjadi Ahli Jawatankuasa Penaja serta Pegawai Penerangan dan Seranta 1970-1972, penubuhan Kelab Umno

pertama di London.

- Karyawan filem pertama memenangi enam daripada 13 anugerah serentak dalam Pesta Filem Malaysia pertama pada 1980.
- Karyawan filem pertama dilantik menjadi Ahli Dewan Negara atau Senator.
- Bintang filem pertama menerima gelaran Tan Sri semasa hayatnya.
- Karyawan filem pertama mengikuti kursus Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia (UUM).